

EDISI JULAI-SEPTEMBER 2023

KUALITI



eISSN 2976-2596



9 772 976 259 003

Taklimat Persediaan Auditor Audit Dalam Korporat UiTM

Disediakan oleh : Cik Noor Azwani Asyikin Samad

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah menganjurkan Taklimat Persediaan Auditor bagi Audit Dalam Korporat UiTM Bil. 04/2023 pada 05 September 2023 melalui platform zoom meeting. Tema Audit Dalam Korporat bagi tahun 2023 adalah 'Budaya Kerja Berkualiti.' Penceramah bagi sesi taklimat ini adalah Prof. Madya Sr Dr Kartina Alauddin iaitu Ketua Sistem Audit Korporat dari UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar.

Tujuan taklimat ini diadakan adalah sebagai persediaan kepada Auditor yang telah dilantik untuk menjalankan tugas dan amanah bagi sesi auditan yang akan diadakan pada 20-21 September 2023 dan 3-4 Oktober 2023. Taklimat ini berkaitan dengan keperluan dan dokumentasi yang perlu disediakan oleh Auditor yang akan mengaudit 14 PTJ di bawah seliaan Naib Canselor UiTM. 14 PTJ terlibat adalah seperti berikut:


1. Pejabat Am Naib Canselor
2. UiTM Global
3. Institut Pengajian Siswazah (IPSS)
4. Bahagian Hal Ehwal Akademik
5. Bahagian Pengambilan Pelajar & Pra Pendidikan Tinggi
6. Ibu Pejabat Polis Bantuan
7. Unit Pengurusan Risiko
8. Pejabat TNC Penyelidikan dan Inovasi
9. Malaysian Academy of SME & Entrepreneurship Development (MASMED)
10. Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)
11. Bahagian Transformasi Universiti
12. Pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni
13. Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD)
14. Jabatan Komunikasi

Seramai 35 Auditor dari seluruh kampus cawangan UiTM yang telah dilantik menyertai sesi taklimat ini.



Penceramah telah memberikan penjelasan mengenai proses utama pengurusan korporat adalah meliputi Pembangunan Akademik, Pembangunan Sumber Manusia, Pembangunan Pelajar, Pengurusan Kewangan, Pemantapan Pengurusan, Pembangunan Penyelidikan, Perundingan, Harta Intelek, Komersial, Pembangunan Fizikal, Pemindahan Pengetahuan, Kebolehpasaran Graduan, Alumni, Industri dan Komuniti, Pengurusan Fasilitas dan Pembangunan ICT. Di samping itu, penceramah juga membuat sedikit sesi perkongsian cara-cara penggunaan sistem TeiCA yang akan digunakan oleh Auditor untuk penulisan laporan dan penjaan penemuan audit.

Adalah diharapkan agar sesi taklimat yang disertai auditor dapat membantu mereka menjalankan sesi auditan dengan lebih jelas dan teratur mengikut standard yang telah ditetapkan. Semoga auditor mampu menghasilkan penulisan pelaporan yang mantap dan berkualiti selepas mendalami pelbagai aspek audit dalam korporat UiTM.



KUALITI



HAK CIPTA DAN PENAFIAN

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Segala informasi adalah benar dan tepat semasa penerbitan. Tiada organisasi atau mana-mana pihak boleh menyalin atau menghasilkan semula kandungan dalam majalah atau mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tanpa kebenaran bertulis daripada panel editor dan pengarang.

2023. KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

ALAMAT:

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),
Aras 5, Blok A, Bangunan Akademik 2,
Universiti Teknologi MARA, Jalan Ilmu 1/1,
40450, Shah Alam,
Selangor

eISSN 2976-2596

